

Tema

18

Pentadbiran dan Politik



Kertas 1

Bahagian A Pemahaman Teks

Baca "Syair Pohon Buluh" halaman 6 dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Syair Pohon Buluh
Menara tinggi banyak ...,
... tak nampak alam.

- 1 Rangkap pertama syair ini bermaksud
 - A tugas pihak berkuasa menjaga pelbagai bangunan yang bertingkat.
 - B kebolehan pihak berkuasa menjalankan tugas dengan penuh komited.
 - C pihak berkuasa menjaga keselamatan bangunan kepunyaan orang berpangkat tinggi.
 - D pihak berkuasa menjalankan tugas dengan adil tanpa mengira pangkat atau darjat.
- 2 Nilai yang terdapat dalam rangkap pertama pantun ialah
 - A keadilan.
 - C hemah tinggi.
 - B keinsafan.
 - D kasih sayang.

Air tak tiris seperti kolam

- 3 Gaya bahasa bagi baris di atas ialah
 - A simile.
 - C metafora.
 - B inversi.
 - D personifikasi.

Besar kecil ikat binanya
Terlalu kuat pula asasnya

- 4 Berdasarkan baris syair di atas, golongan tua dan muda berperanan untuk
 - A menjaga keselamatan bangunan milik kerajaan.
 - B menjalin kerjasama dengan pihak berkuasa.
 - C menjaga pokok buluh di kawasan tempat tinggal.
 - D memperkukuh perpaduan masyarakat melalui sikap bekerjasama.
- 5 Yang berikut merupakan kepentingan perpaduan, **kecuali**
 - A mewujudkan kekuatan dalam sesebuah masyarakat.
 - B perpaduan kaum akan mendatangkan kejayaan.
 - C mewujudkan lebih banyak lagi golongan yang tertindas.
 - D bersemangat untuk menangkis anasir jahat daripada pihak luar.

Info KOMSAS

Simile atau perbandingan ialah gaya bahasa yang membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Perbandingan menggunakan perkataan *bak*, *umpama*, *seperti* dan *laksana*.